

Kes demam denggi naik dua kali ganda

^{B.H 25/1/09 M/S 22}
Kerajaan isytihar perangai jangkitan habis-habisan

Oleh Norliza Wasilan
norlizawasilan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kes demam denggi di seluruh negara menyaksikan peningkatan luar biasa setakat tahun ini dan menyebabkan kerajaan terpaksa mengisytiharkan usaha memerangi denggi secara habis-habisan.

Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai, berkata bagi tempoh 1 Januari hingga kelmarin, kes demam denggi itu meningkat dua kali ganda iaitu daripada 2,153 kes kepada 4,221 kes bagi tempoh sama

tahun lalu.

Ia termasuk 12 kematian berbanding lima dicatatkan bagi tempoh itu tahun lalu.

"Kes denggi memang meningkat setiap awal dan akhir tahun tetapi tahun ini agak luar biasa apabila ia meningkat dua kali ganda dan ini menyebabkan kera-

jaan mengisytiharkan memerangi denggi secara habis-habisan," katanya pada Majlis Penyampaian Angpau Kepada Penghuni Valley of Hope di Pusat Kawalan Kusta Negara anjuran MCA Bahagian Subang dengan kerjasama Hospital Sungai Buloh di sini, semalam.

Katanya, kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk menangani masalah berkenaan dan dalam masa sama mahu rakyat juga terbabit se-

FAKTA NOMBOR

4,221

kes

Denggi sejak 1 Januari 2009



LIOW menyampaikan angpau kepada Penghuni Valley of Hope di Pusat Kawalan Kusta Negara, di Kuala Lumpur, semalam.

cara langsung supaya kes denggi dan angka kematian tidak terus meningkat

"Saya meminta orang ramai supaya bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memastikan demam denggi dan kes denggi dikawal dengan cepat supaya

ia tidak merebak dengan begitu luas sekali."

Liow berkata, antara faktor yang dikenal pasti menjadi punca utama kepada peningkatan kes demam denggi ialah cuaca, air bertakung yang mempunyai risiko tinggi sebagai lokasi pembiakan

nyamuk aedes.

Beliau mengingatkan rakyat supaya memastikan kawasan rumah mereka bebas sarang pembiakan nyamuk aedes, bukan saja untuk mengatasi kes demam denggi tetapi juga membabitkan kes Chikungunya.